

Bl: Ling jamin selesai dalam seminggu

UM 23 OCT 2002

KUALA LUMPUR 22 Okt. — Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik memberi jaminan akan mengemukakan pendekatan bagi menyelesaikan isu pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina (SJKC) dalam tempoh seminggu.

Beliau yang mewakili parti-parti kaum Cina dalam Barisan Nasional (BN) berkata, mereka akan memberikan keputusan sama ada SJKC akan meneruskan pengajaran subjek tersebut dalam bahasa Cina sepenuhnya atau separa Inggeris atau menggunakan model-model lain.

“Kami minta supaya diberi masa selama seminggu. Kami akan datang semula dalam masa seminggu lagi (jadi) jangan buat sebarang spekulasi,” tegasnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mesyuarat Dewan Tertinggi BN di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Lima parti komponen BN yang mewakili kaum Cina selain MCA ialah Gerakan, Parti Demokratik Liberal (LDP), Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) dan Parti Maju Sabah (SAPP).

Kontroversi pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris memuncak Jumaat lalu apabila Jawatankuasa Pusat MCA sebulat

suara menolak pelaksanaannya di semua sekolah rendah jenis kebangsaan Cina.

Liong Sik dilaporkan berkata, beliau bersetuju usaha kerajaan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar tetapi ia sepatutnya dijadikan medium bermula di peringkat sekolah menengah.

Pendirian MCA itu menerima kecaman hebat daripada pelbagai pihak yang menganggap parti komponen kedua terbesar BN itu cuba mengugut pucuk pimpinan parti bagi kepentingan politik mereka.

Mengulas lanjut, Liong Sik berkata, persetujuan untuk memberikan masa seminggu kepada lima parti yang mewakili kaum Cina bagi menyediakan formula pengajaran mata pelajaran tersebut di SJKC diberikan secara bersama oleh semua parti komponen BN.

“Yang pertamanya kami (BN) memperoleh konsensus 100 peratus supaya bahasa Inggeris dijadikan mata pelajaran yang lebih kukuh bermula dari tahun satu di semua sekolah.

“Yang keduanya supaya mata pelajaran Sains dan Matematik diajar dalam bahasa Inggeris di semua sekolah menengah.

“Dan yang ketiganya ialah bahasa Inggeris digunakan di sekolah bukan Cina (untuk mengajar Sains dan Matematik) manakala

parti-parti Cina akan kembali dalam masa seminggu (untuk memberikan penyelesaian),” katanya.

Timbalan Presiden Parti Gerakan, Datuk Kerk Choo Ting yang turut menghadiri mesyuarat itu berkata, beliau yakin parti-parti Cina dalam BN akan dapat menyelesaikan masalah tersebut dalam tempoh yang dinyatakan.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai kaedah atau formula yang akan dicadangkan oleh mereka.

Sementara itu, Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat berkata, formula parti-parti Cina itu akan dibentangkan oleh mereka kepada Pengerusi BN, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada minggu depan.

“Dr. Mahathir mahu penyelesaian diperoleh melalui konsultasi dan itulah cara yang akan digunakan,” katanya.

Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, partinya bersetuju dengan cadangan itu kerana ia memberi peluang kepada sekolah-sekolah Tamil meningkatkan mutu pendidikan dalam bahasa Inggeris.

Penggunaan bahasa tersebut, katanya, tidak dianggap meminggirkan bahasa ibunda kerana 65 peratus pengajaran mata pelajaran lain tetap diajar dalam bahasa Tamil.